



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA DATO' ROBIAH BINTI ABDUL GHANI
MENGENAI PENGALAMAN DAN SUMBANGAN BELIAU SEBAGAI KETUA
POLIS WANITA PERTAMA DI NEGERI PAHANG PADA TAHUN 14 JULAI 2008
SEHINGGA 19 DISEMBER 2010**

DISEDIAKAN OLEH:

NUR KHAIRUNNISA BINTI ZAMRI (2012200698)

RABIATUL ADAWIYAH BINTI SABTU (2012241368)

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
IMR 604: DOKUMENTASI LISAN**

SEMESTER 05 (SEPTEMBER 2013-JANUARI 2014)

ISI KANDUNGAN

1. PENGHARGAAN	2
2. ABSTRAK	7
3. PENGENALAN	9
4. TRANSKRIP WAWANCARA	31
5. LOG WAWANCARA	95
6. BIODATA DATO' ROBIAH BINTI ABDUL GHANI	106
7. BIODATA PENULIS	110
8. SENARAI SOALAN WAWANCARA	113
9. SENARAI RUJUKAN	122
10. LAMPIRAN	124
11. INDEKS	143
12. DIARI PENYELIDIKAN	148

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada Dato' Robiah Binti Abdul Ghani atas segala masa yang sudi diluangkan bersama kami. Kesudian beliau yang sudi melayan kami dengan sepenuh hati beliau amat kami hargai. Kesabaran beliau dalam menjawab segala pertanyaan kami ketika diwawancara amat kami sanjungi dan hormati. Sepanjang kami menemubual beliau pada pandangan mata kami, Dato'Robiah adalah seorang yang berhati mulia dan lemah-lembut. Jasa dan sumbangan beliau sepanjang berkhidmat dalam bidang polis amat kami kagumi meskipun beliau adalah seorang ibu , beliau masih lagi mengecapi kejayaan yang tinggi dalam bidang polis. Selain itu, beliau boleh dijadikan contoh terutama kepada kaum wanita kerana berjaya serta mampu setaraf dengan kaum lelaki dalam bidang polis. Bak kata pepatah " duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi".

Beliau adalah bukti kejayaan bahawa wanita juga mampu melakukan pekerjaan yang kebiasaannya didominasi oleh kaum lelaki dan beliau juga membuktikan bahawa "tangan yang menghayun buaian mampu menggegar dunia". Semangat dan kejayaan beliau dalam bidang polis adalah suatu pencapaian yang amat kita boleh banggakan dan boleh dijadikan contoh pada kemudian hari. Usaha dan dedikasi beliau dalam bidang polis wajar dijadikan contoh dan inspirasi pada generasi sekarang dan pada masa akan datang supaya terus berusaha dan tidak pernah kenal erti penat lelah dan jemu dalam mencapai sesuatu kejayaan. Sepanjang dalam perkhidmatan polis, beliau tidak pernah kenal erti penat lelah dan berputus asa meskipun cabaran-cabaran yang beliau alui sepanjang berkhidmat dalam bidang polis adalah sesuatu yang luar biasa dan di luar kemampuan diri tetapi dengan semangat yang jitu itulah beliau mampu merealisasikan impian beliau dan kejayaan beliau amat dibanggakan oleh keluarganya terutama ayah dan anak-anak beliau.Terima kasih Dato'Robiah Binti Abdul Ghani. Semoga kita berjumpa lagi.Wassalam

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera.

Bersyukur kehadrat Ilahi kerana dengan izin kurniannya dapat juga kami menyempurnakan tugasan bagi subjek Sejarah Lisan (OH) ini. Sepanjang menjalankan kerja kursus ini, kami telah memperoleh pelbagai pengalaman sama ada pahit mahupun manis yang amat berharga dan bermakna dalam hidup kami sebagai seorang pelajar. Pengalaman yang kami perolehi sepanjang menjalankan tugasan ini mungkin hanya akan datang sekali sahaja dalam hidup kami.

Justeru itu, kami juga telah memperolehi pelbagai maklumat dan pengetahuan dengan lebih terperinci lagi berkaitan tugasan ini iaitu sejarah lisan wawancara mengenai jasa dan sumbangan Dato' Robiah Binti Abdul Ghani sebagai Ketua Polis Negeri Pahang Wanita Pertama. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang menjayakan tugasan ini. Terutamanya kepada Dato' Robiah Binti Abdul Ghani yang sudi meluangkan masa bersama kami dan seterusnya kepada pensyarah kami iaitu, Puan Azura Binti Abdul Jamil @ Kamarudzzaman kerana beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada kami sepanjang menjalankan ini tugasan ini. Tunjuk ajar beliau amat membantu kami dalam usaha menyempurnakan tugasan yang telah diamanahkan ini.

Oleh itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli keluarga kami yang telah banyak memberi sokongan moral dan bantuan kewangan bagi menyelesaikan tugasan ini. Selain itu, kami turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kami kerana telah banyak menghulurkan bantuan dan kerjasama bagi merealisasikan usaha menyempurnakan tugasan ini dengan jayanya.

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA DATO' ROBIAH BINTI ABDUL GHANI
MENGENAI PENGALAMAN DAN SUMBANGAN BELIAU SEBAGAI KETUA POLIS
WANITA PERTAMA BAGI NEGERI PAHANG PADA TAHUN 14 JULAI 2008.**

ABSTRAK: *Dato' Robiah Binti Abdul Ghani merupakan bekas Ketua Polis Negeri Pahang yang pertama pada 14 Julai 2008 sehingga 19 Disember 2010. Pengalaman dan sumbangan beliau dalam bidang polis amat besar. Bermula dengan jawatan sebagai Pegawai Penjaga Rekod Jenayah, beliau dipilih pula sebagai pegawai polis wanita pertama menjadi Platun Komander kepada Pasukan Polis Hutan Wanita. Selepas itu, beliau menjawat jawatan sebagai ASP (Assistant Supritendant) dan seterusnya menjawat jawatan sebagai DSP (Deputy Supritendant) Pentadbiran di Cawangan Anti Dadah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman dan selepas itu dinaikkan pangkat sebagai Supritendant di cawangan yang sama. Selepas itu beliau bertugas sebagai Penolong Pengarah D6 dan selepas itu beliau dinaikkan pangkat sebagai Assistant Commisioner Police (ACP) dan bertugas sebagai Penolong Pengarah Siasatan Khas JSJ dan beliau juga adalah pegawai polis wanita pertama yang dilantik ke jawatan Penolong Pengarah Pengurusan (HEA) Bukit Aman. Pada 14 Mei 2007 beliau telah ditukarkan ke Kontinjen Pahang dan selepas itu melakar sejarah apabila dilantik sebagai Ketua Polis Pahang dengan pangkat Deputy Commisioner Police (DCP). Beliau adalah wanita pertama dalam kalangan pegawai PDRM (Polis Diraja Malaysia) yang telah dilantik ke jawatan tersebut. Seterusnya beliau dilantik dan dinaikkan ke Commisioner Police (CP) serta memegang jawatan sebagai Pengarah Pengurusan di Bukit Aman.*

KATA KUNCI: PDRM (Polis Diraja Malaysia), polis, Bukit Aman, Pahang, kontinjen, cawangan